

12/05/1997

Perjuangan Umno ikut keadaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu ahli Umno menyesuaikan perjuangan parti itu dengan keadaan sekarang khususnya menumpukan usaha membanteras masalah sosial dan meletakkan Malaysia setaraf dengan negara maju.

Sambil meminta ahli menjaga parti itu dengan semangat dan perpaduan yang ditunjukkan ketika penubuhannya pada 1946, Presiden Umno menegaskan, perjuangan bangsa Melayu belum tamat.

Sehubungan itu, katanya, semangat dan perpaduan yang ditunjukkan ahli parti itu 51 tahun lalu adalah senjata paling kuat bagi mengatasi apa jua rintangan yang boleh menghalang keutuhan bangsa Melayu pada masa depan.

"Sebab itu penting sekali apabila kita merayakan ulang tahun Umno, kita ulangi sejarah kita. Kita teliti dan gunakan sejarah sebagai panduan. Kita ingatkan diri kita semula mengenai semangat perjuangan satu bangsa yang telah dijajah 400 tahun, yang berjaya mengatasi segala rintangan.

"Bangsa yang tidak mempunyai senjata, tidak mempunyai apa-apa kekuatan. Hanya satu orang sahaja yang ada BA (Bachelor of Arts), bangsa itu dapat menewaskan bangsa yang baru menang perang dunia. British baru menang perang tapi kita menewaskan mereka hanya dengan menggunakan semangat dan perpaduan," katanya ketika menyampaikan amanat sempena ulang tahun ke-51 penubuhan Umno, hari ini.

Sambutan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu bermula dengan upacara menaikkan bendera parti, diikuti perasmian galeri Umno dan forum 'Pengkisahan Sejarah Umno'. Turut hadir ialah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ahli-ahli Majlis Tertinggi parti serta ketua bahagian Umno dari seluruh negara. Solat Maghrib berjemaah dan majlis tahlil turut diadakan di PWTC malam ini.

Perdana Menteri berkata, dengan menjadikan sejarah 400 tahun lalu itu sebagai panduan, tanggungjawab utama Umno kini ialah mencegah aliran arus keburukan seperti masalah sosial termasuk gejala rasuah dan keruntuhan akhlak sebelum ia menjadi amalan biasa. Pada masa yang sama, perjuangan utama Umno iaitu meneruskan agenda memajukan bangsa, menangani rintangan alaf baru dan mencapai Wawasan 2020 selepas bangsa Melayu dihina serta hidup daif akibat penjajah empat bangsa, perlu diteruskan.

"Perjuangan dari semasa ke semasa berbeza. Matlamat juga berbeza. Kita sesuaikan perjuangan ini secara pragmatis sesuai masalah yang dihadapi. Kalau kita hari ini masih lagi orang yang berjuang untuk kemerdekaan sedangkan kemerdekaan sudah dicapai, tentulah perjuangan kita tidak ke mana.

"Perjuangan hari ini adalah untuk mengisi kemerdekaan supaya kita menjadi satu bangsa yang diiktiraf dan dihormati di dunia, daripada satu bangsa yang tidak ada status selepas dijajah beratus tahun.

"Sekarang kita menjadi bangsa yang berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bangsa maju lain, itu matlamat kita. Jika itu jadi matlamat, perjuangan kita juga harus disesuaikan dengan matlamat bangsa.

"Perjuangan ala mencapai kemerdekaan sudah tidak sesuai dengan perjuangan yang harus kita teruskan sekarang kerana perjuangan sekarang ialah mencari taraf sama dengan bangsa maju lain," katanya sambil menegaskan, Umno perlu dipertahankan sampai bila-bila.

Dr Mahathir mahu masalah sosial termasuk rasuah dibanteras habis-habisan sebelum ia menjadi amalan yang tidak boleh dibendung lagi.

"Sebagai seorang doktor, saya kalau kaki nampak nak busuk, kena potong

sedikit atas supaya jangan merebak ke bahagian lain. Kita tidak mahu semua mengamalkan budaya korup ini apabila rasuah tidak lagi dilakukan di bawah meja tapi sudah naik ke atas meja dan diterima sebagai perkara biasa.

"Ketika itu susah nak diubahi. Tapi masa ini Alhamdulillah, belum lagi sampai (serius)," katanya.

Presiden Umno mengingatkan ahli parti itu dan generasi Melayu supaya tidak harus melupakan sejarah bangsa yang sebelum ini dipandang hina, daif, lemah dan dianggap hampir tidak wujud lagi.

"Kita harus tahu sejarah kerana sejarah memberi panduan pada kita. Kalau kita tidak tahu dari mana kita datang, sukar untuk menentukan ke mana kita akan pergi.

"Sejarah memainkan peranan amat penting bagi sesuatu bangsa. Bangsa yang tidak tahu sejarahnya tak mungkin mencapai kejayaan," katanya.

(END)